

# PANDUAN ASAS



## “LANGKAH DEMI LANGKAH”

Anda dilarang sama sekali menjual e-book ini.  
E-book ini hanya boleh digunakan oleh pembaca untuk tujuan panduan dan bimbingan sahaja. Walau bagaimanapun anda diberikan hak untuk menjadikannya sebagai bonus bagi produk anda, disebarikan melalui laman web anda atau apa sahaja asalkan tidak menjualnya. Segala kerjasama daripada anda adalah amat saya hargai.

## **PRAKATA**

Salam hormat,

Penerbitan e-book dalam bahasa Melayu di negara ini amat kurang sekali bilangannya berbanding dengan e-book bahasa Inggeris. Ini telah mendorong kepada saya untuk menulis e-book bahasa Melayu berkaitan panduan asas eBay langkah demi langkah ini. Tujuan saya menulis e-book ini adalah untuk membimbing serta memberi sedikit panduan kepada pembaca berkaitan cara-cara mudah untuk memulakan perniagaan internet khususnya perniagaan di eBay.

Bahasa yang saya tulis di dalam e-book ini adalah ringkas dan amat mudah untuk difahami terutamanya oleh mereka yang kurang berkecimpung dengan komputer atau internet. Penulisan secara real-time hands on adalah kaedah yang amat berkesan sekali di mana sambil anda membaca e-book ini, langkah demi langkah anda akan dapat pelajari terus di hadapan komputer anda.

Di dalam tutorial mudah dan ringkas ini, anda akan mempelajari bagaimana untuk membuka akaun eBay bagi Negara Malaysia. Selain daripada itu, anda juga akan berpeluang untuk mempelajari sedikit sebanyak cara untuk membeli, menjual dan beberapa tips pemasaran produk di eBay.

Akhir sekali cuba anda perhatikan di sekeliling rumah anda, anda akan dapati terdapat beribu-ribu idea perniagaan yang wujud di sana sini. Anda Cuma perlu meninjau keadaan dan potensi permintaan dan pemasaran idea anda tersebut. Sekiranya anda melaksanakannya secara besar-besaran, bermutu tinggi dan harga yang berpatutan melalui idea anda, cuba fikirkan dan renungkan siapakah agaknya yang boleh menjadi pelanggan kepada barangan atau perkhidmatan anda itu.

Sekian, wassalam.

=====  
**MATZIS BIN JUSDI**  
**PANDUAN ASAS EBAY LANGKAH DEMI LANGKAH**  
<http://www.matzis.com>  
=====



Perniagaan online berasaskan internet khususnya eBay adalah sangat popular ketika ini. eBay telah memperkenalkan satu sistem penjualan produk secara lelongan di dalam internet. Konsep pembelian produk melalui bidaan yang mana paling tinggi harganya selepas tamat lelongan adalah dikira sebagai pemenang. Di negara Malaysia, eBay telah diperkenalkan pada Disember 2004. Bagi anda yang baru di dalam dunia perniagaan internet dan bercadang untuk memasarkan produk, saya sarankan kepada anda eBay adalah permulaan terbaik untuk anda memasarkan produk.

Menjual produk di eBay adalah sangat mudah, tidak perlu menyediakan website perniagaan anda sendiri bagi tujuan pemasaran. Cukup sekadar anda meletakkan produk anda di eBay dan menunggunya beberapa hari yang anda tetapkan sendiri sebelum anda mendapatkan pulangan pendapatan anda selepas tamat lelongan. Bagi negara Malaysia, eBay masih lagi percuma, tiada yuran dikenakan bagi setiap penyenaian produk daripada anda. Sekali lagi ini adalah peluang terbesar anda untuk memahirkan diri anda di dalam perniagaan eBay ini sebelum anda mengorak langkah kepada eBay berbayar yang sangat popular seperti eBay US dan UK.

Selain daripada menjual produk, eBay juga memberikan peluang kepada anda untuk membeli produk yang anda inginkan mengikut harga lelongan. Di eBay bermacam-macam produk kegemaran anda boleh dapati. Bagi mereka yang ingin menambahkan pendapatan sampingan, peluang untuk membeli produk hangat di eBay dan menjualkannya semula dengan harga yang tinggi adalah satu idea perniagaan yang bijak.

Akhir sekali sebagai notis semua bahan perdagangan dan juga laman web yang terdapat di dalam e-book ini adalah tetap menjadi hak milik dan hak cipta sepenuhnya bagi syarikat tersebut iaitu eBay. Saya hanya menggunakannya untuk tujuan pembelajaran dan panduan supaya memberi kefahaman yang lebih cepat. Segala kesan negatif daripada penggunaan yang salah mengenai e-book ini oleh individu yang tidak bertanggungjawab adalah menjadi tanggungjawab individu tersebut.

=====

**PANDUAN ASAS EBAY  
LANGKAH DEMI LANGKAH BAGI NEGARA MALAYSIA.**

=====

- Bahagian 1 : Pendaftaran (Register)**  
**Bahagian 2 : Membeli (Shop)**  
**Bahagian 3 : Menjual (Sell)**  
**Bahagian 4 : Tips Berkaitan eBay**

=====

**BAHAGIAN 1  
PENDAFTARAN (REGISTER)**

=====

**Langkah 1:**

Untuk tujuan pendaftaran akaun eBay, sila buka website eBay Malaysia terlebih dahulu iaitu di <http://www.ebay.com.my>. Klik **register** untuk tujuan pendaftaran akaun eBay anda.



**Langkah 2:**

Langkah seterusnya anda akan diminta untuk mengisi segala maklumat tertentu untuk tujuan pendaftaran akaun eBay anda. Pastikan anda mengisi maklumat yang betul. Sekiranya anda ingin serius dalam perniagaan ini, anda tidak perlu takut untuk memberikan maklumat yang betul.



.....(Borang pendaftaran tidak ditunjukkan secara keseluruhan).....

**Langkah 3:**

Setelah selesai anda mengisi segala maklumat tertentu di dalam borang pendaftaran eBay, perkara paling penting ialah anda mesti membaca segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak eBay iaitu **Agree to Terms**. Ini bertujuan supaya anda sentiasa mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh eBay sama ada anda dalam proses membeli ataupun menjual produk anda. Kalau anda bersetuju, tandakan setuju dalam kotak **I am 18+ years old** dan **klik I Agree To These Terms**.

Please read the User Agreement and Privacy Policy below.

User Agreement

THE FOLLOWING DESCRIBES THE TERMS ON WHICH EBAY OFFERS YOU ACCESS TO OUR SERVICES.

Welcome to the user agreement (the "Agreement" or "User Agreement") for eBay Malaysia. The services available at

[Printer-friendly User Agreement](#)

Privacy Policy

By accepting this Privacy Policy and the User Agreement, you expressly consent to our use and disclosure of your personal information in the manner prescribed in this Privacy Policy. This Privacy Policy is incorporated into and subject to the terms of the eBay User Agreement.

[Printer-friendly Privacy Policy](#)

**Klik sini tanda setuju**

Check the box and click **I Agree** to accept the User Agreement, Privacy Policy and incorporated terms.

**I am 18+ years old.**

[Decline](#) ← **Klik sini**

**Langkah 4:**

Selepas anda klik **I Agree To These Terms**, langkah seterusnya adalah untuk mengaktifkan email akaun anda, eBay telah menghantar satu email kepada anda. Buka email anda dan klik pada link yang sediakan dalam email tersebut.

**You're almost done**

eBay just sent you an email to [redacted]@yahoo.com.my .

**To complete registration:**

1. Check your email at [redacted]@yahoo.com.my .
2. Click on the link in your email.

Periksa Email anda untuk pengesahan pendaftaran.

Untuk pendaftaran seterusnya, sila masukkan kod yang telah dipaparkan dalam email anda. Kemudian klik **Continue**.

To complete registration, please enter the code provided in your registration email.

**Email address**

  
**Enter code from email**

Masukkan Email anda & Code yang terdapat dalam Email anda.

Klik continue

#### Langkah 5:

Setelah klik **continue** maka selesailah pendaftaran akaun eBay anda, Tahniah! Pihak eBay akan mengalu-alukan kedatangan anda dalam perniagaan eBay (**Welcome to eBay**). Segala urusan berkaitan eBay anda boleh melakukannya dengan menggunakan ID eBay anda sendiri. Bagi anda yang ingin menambahkan pendapatan atau ingin mencari produk, aktiviti membeli dan menjual adalah paling popular di eBay. Panduan ini saya akan terangkan kepada anda di **Bahagian 2** dan **bahagian 3**.

=====

## BAHAGIAN 2

### MEMBELI (SHOP)

=====

#### Langkah 1:

Untuk membuat pembelian, buka website eBay Malaysia di <http://www.ebay.com.my> kemudian klik **sign in**. Login eBay User ID dan Password anda. Kemudian klik **Sign In**. Welcome to eBay akan dipaparkan, menandakan id eBay anda sudah aktif untuk membeli produk di eBay. Langkah seterusnya klik **Shop for an item**.

The screenshot shows the eBay Malaysia homepage. At the top, there is a navigation bar with links for [home](#), [register](#), [sign in](#), and [site map](#). Below this is a menu with buttons for **Shop**, **Sell**, **My eBay**, **Community**, and **Help**. A red arrow points to the **sign in** link in the top navigation bar with the text "Klik sini".

On the left side, there is a registration prompt: "If you want to sign in, you'll need to register first." and "Registration is fast and free." with a **Register >** button.

In the center, there is a sign-in form with the heading "Enter your User ID and password to sign in." The form contains two input fields: "eBay User ID" and "Password". A red box highlights these two fields, with a red arrow pointing to it from the text "Masukkan eBay user ID anda & password anda." Below the form is a **Sign In >** button, with a red arrow pointing to it from the text "klik sign in".

At the bottom left, there is a section titled "Where can we take you?" with links for [Shop for an item](#), [My eBay](#), [Sell your item](#), and [Check out new Announcements](#). A red arrow points to the [Shop for an item](#) link with the text "Klik sini".

At the bottom right, there is a section titled "Learn more about eBay" with links for [How do I Buy?](#), [What is My eBay?](#), [How do I sell an item?](#), and [What is the eBay community?](#)

#### Langkah 2:

Langkah seterusnya, pilih barangan atau produk yang hendak anda beli dalam **Browse Categories**. Terdapat banyak pilihan di dalam kategori ini. Anda Cuma perlu klik untuk mengaktifkan produk yang hendak anda beli tersebut. Di dalam panduan eBay langkah demi langkah ini, saya klik kategori **paper money** sebagai contoh pembelian. Setelah anda klik **paper money**, anda akan melihat keseluruhan penyenaian paper money di dalam kategori ini seperti dibawah.

**Browse categories**

|   |  |
|---|--|
| <p><b>Antiques</b></p> <p><b>Art</b><br/> <a href="#">Paintings</a>   <a href="#">Prints</a>   <a href="#">Sculptures</a>,<br/> <a href="#">Carvings</a></p> <p><b>Automotives</b></p> <p><b>Books</b><br/> <a href="#">Children's Books</a>   <a href="#">Magazines</a>  <br/> <a href="#">Non-Fiction Books</a></p> <p><b>Cameras &amp; Photo</b><br/> <a href="#">Digital Cameras &amp; Accessories</a>  <br/> <a href="#">Film Cameras &amp; Accessories</a>  <br/> <a href="#">Other</a></p> <p><b>Clothing &amp; Accessories</b><br/> <a href="#">Infants &amp; Children's Clothing</a>  <br/> <a href="#">Men's Accessories</a>   <a href="#">Women's<br/> Accessories</a></p> <p><b>Coins</b><br/> <a href="#">Coins</a>   <a href="#">Paper Money</a></p> <p><b>Collectables</b><br/> <a href="#">Advertising</a>   <a href="#">Historical<br/> Memorabilia</a>   <a href="#">Transportation</a></p> <p><b>Computers &amp; Networking</b><br/> <a href="#">Desktop PCs &amp; Components</a>  <br/> <a href="#">Printers</a>   <a href="#">Software</a></p> <p><b>Consumer Electronics</b><br/> <a href="#">Home Audio</a>   <a href="#">Televisions, VCR,</a><br/> <a href="#">DVD Players</a>   <a href="#">Other</a></p> | <p><b>Crafts</b><br/> <a href="#">Handcrafted Items</a>   <a href="#">Rubber Stamps</a>  <br/> <a href="#">Sewing</a></p> <p><b>Entertainment</b><br/> <a href="#">DVDs &amp; Movies</a>   <a href="#">Memorabilia</a>   <a href="#">Other</a></p> <p><b>Everything Else</b><br/> <a href="#">Weird Stuff</a>   <a href="#">Other</a></p> <p><b>Health &amp; Beauty</b><br/> <a href="#">Bath &amp; Body</a>   <a href="#">Cosmetics</a>   <a href="#">Skin Care</a></p> <p><b>Home &amp; Garden</b><br/> <a href="#">Kitchen</a>   <a href="#">Pet Supplies &amp; Accessories</a>  <br/> <a href="#">Other</a></p> <p><b>Jewellery &amp; Watches</b><br/> <a href="#">Pins, Brooches</a>   <a href="#">Rings</a>   <a href="#">Watches</a></p> <p><b>Mobile Phones</b><br/> <a href="#">Covers, Faceplates, Housings</a>  <br/> <a href="#">Headsets</a>   <a href="#">Holsters, Pouches, Straps</a></p> <p><b>Sports</b><br/> <a href="#">Fan Shop</a>   <a href="#">Sporting Goods</a></p> <p><b>Stamps</b><br/> <a href="#">Australia</a>   <a href="#">Europe</a>   <a href="#">United States</a></p> <p><b>Toys &amp; Hobbies</b><br/> <a href="#">Diecast, Toy Vehicles</a>   <a href="#">Robots,</a><br/> <a href="#">Monsters, Space Toys</a>   <a href="#">Trading Card<br/> Games</a></p> |
|---|--|

Klik sini paper money

**Langkah 3:**

Seterusnya anda cuma pilih item yang hendak anda beli, kemudian klik sahaja item tersebut . Selepas anda klik, penerangan keseluruhan item yang anda pilih akan tertera seperti dibawah.

| Items Available to: <b>eBay Malaysia</b><br>543 items found in <b>Paper Money</b>   |                           | <b>Find more items!</b><br><a href="#">Browse eBay worldwide</a> for all available items. |                                   |       |
|---|---------------------------|---|-----------------------------------|-------|
| <a href="#">List View</a>   <a href="#">Picture Gallery</a>                         | Show only:                | Current   | <input type="button" value="Go"/> |       |
| Picture   | Item Title                | Price   | Bids                              | Time  |
|  | ██████████ 10 cents       | MYR 25.00<br>MYR 25.00  | --<br>⇒ <i>Buy It Now</i>         | 2d 8h |
|  | ██████████ 20 cents (GEF) | MYR 45.00<br>MYR 46.00  | --<br>⇒ <i>Buy It Now</i>         | 2d 8h |

.....(Penyenaraian item tidak ditunjukkan secara keseluruhan).....



Terdapat 2 cara pembelian yang anda boleh buat di eBay iaitu **place bid** atau **buy it now**. Jika anda ingin membeli item tersebut dengan harga bida, anda hanya perlu klik **place bid**. Sekiranya anda ingin membeli terus item tersebut tanpa harga bida, anda hanya klik terus **buy it now**.


.....(Penerangan keseluruhan item yang anda pilih).....



**Langkah 4:**

**Klik sini**

Jika anda memilih cara pembelian item dengan harga bida. Anda hanya perlu klik **place bid** dan masukkan jumlah bida anda melebihi harga bida permulaan item tersebut. Kemudian klik **continue** untuk pengesahan seterusnya.



**Langkah 5:**

Setelah anda klik **continue**, anda diminta membuat pengesahan sekali lagi dan setelah anda berpuas hati dengan harga bida anda, klik **submit**.

## Panduan Asas Langkah Demi Langkah : eBay Malaysia

Review your bid and then click the **Submit** button.  
Your maximum bid: **MYR 10.00**

**User ID**  
[redacted] (Not [redacted]? [Change User ID.](#))


**Is this item illegal where you live? You are responsible for the legality of your purchases. Make certain that local laws do not prohibit you from buying this item. If it is located in another country, make sure you can legally import it before bidding or buying.**

**Your bid is a contract** - Do not bid unless you are serious about buying the item and can legally purchase it. If you are the winning bidder, you will enter into a legally binding contract to purchase the item from the seller. You should contact the seller to resolve any questions before bidding.



Setelah **submit** eBay akan memaklumkan kepada anda bahawa bida semasa anda adalah yang paling tinggi tetapi haruslah sentiasa memeriksa bida anda setiap masa sebelum tamat lelongan untuk memastikan kemenangan berpihak kepada anda. Pihak eBay akan menghantar satu email kepada anda untuk maklumat keseluruhan item tersebut.

You are signed in

 **You are the current high bidder** ← **Anda pembida tertinggi semasa**

**Important:** Another user may still outbid you, so check this item again before it ends. eBay will send you an email if you're outbid.

Current bid: MYR 10.00  
Your maximum bid: **MYR 11.00**

### Langkah 6:

Jika anda inginkan item tersebut tanpa harga bida dan ingin terus membelinya daripada penjual, maka anda boleh klik **buy it now**.



Starting bid: **MYR 25.00** [Place Bid >](#)

**Buy it Now** Price: **MYR 25.00** [Buy it Now! >](#)

End time: **22-11-2006 11:52:22 PM MYT** (2 days 8 hours)

Ships to: Malaysia

Item location: Kuala Lumpur, Malaysia, Malaysia

History: [0 bids](#)

You can also: [Watch this item](#)

**Meet the seller**

Seller: [redacted] (210 ☆)

Feedback: **97.7% Positive**

Member: since 05-08-2001 in United States

- [Read feedback comments](#)
- [Ask seller a question](#)
- [View seller's other items](#)

**Buy safely**

- Check the seller's reputation**  
Score: 210 | 97.7% Positive  
[Read feedback comments](#)
- Learn how you are protected**  
 [Buy with Confidence](#)

## Panduan Asas Langkah Demi Langkah : eBay Malaysia

**Important:** Your next bid amount will exceed or equal the Buy It Now price. If you wish to win this item, please use Buy it Now.

Current bid: MYR 25.00

**Buy It Now** Price : MYR 25.00

User ID

██████████ (Not a user? [Change User ID](#).)

**Is this item illegal where you live? You are responsible for the legality of your purchases. Make certain that local laws do not prohibit you from buying this item. If it is located in another country, make sure you can legally import it before bidding or buying.**

**Your purchase is a contract** - Do not continue unless you are serious about buying the item and can legally purchase it. When you submit your purchase, you will enter into a legally binding contract to purchase the item from the seller. You should contact the seller to resolve any questions before purchasing.



### Langkah 7:

Akhir sekali, setelah anda mengikuti langkah demi langkah cara membuat pembelian produk tidak kira **place bid** ataupun **buy it now**, pihak eBay akan menghantar satu email kepada anda untuk mengesahkan pembelian anda. Jika anda menang bida item, eBay akan mengucapkan tahniah kepada anda dan segala butiran item dan email penjual akan dihantar melalui email anda. Anda boleh terus berurusan dengan penjual tersebut berkaitan item yang anda beli. Selamat mencuba!

This email was sent to ██████████ from eBay. To increase confidence this email came from eBay we are including your name and user ID based on the information you provided when you registered on eBay.

**Congratulations ██████████!**



Dear ██████████,  
You have agreed to purchase the following eBay item from ██████████ (MUSKEL - BANDAR BARU SENTUL Malaysia) on 04-12-2006 12:14:15 PM MYT :

██████████ MALAYA JAPANESE OCCUPATION - Item #1206365502  
Please contact the seller to complete the sale at ██████████

**Email penjual untuk anda hubungi untuk urusan pembayaran dan penghantaran item yang anda menangi.**

---

---

### BAHAGIAN 3 MENJUAL (SELL)

---

---

#### Langkah 1:

Untuk membuat jualan produk, buka website eBay Malaysia di <http://www.ebay.com.my> kemudian klik **sign in**. Login eBay User ID dan Password anda. Kemudian klik **Sell**.

The screenshot shows the eBay Malaysia homepage. At the top, there is a navigation bar with links for 'home', 'register', 'sign in', and 'site map'. Below this is a main menu with buttons for 'Shop', 'Sell', 'My eBay', 'Community', and 'Help'. The 'Sell' button is highlighted with a red box and a red arrow pointing to it with the text 'Klik sini'. Below the navigation bar, there is a sign-in section. On the left, there is a 'Register >' button. On the right, there is a sign-in form with the heading 'Enter your User ID and password to sign in.' The form has two input fields: 'eBay User ID' and 'Password'. Both fields are highlighted with a red box and a red arrow pointing to them with the text 'Masukkan eBay user ID anda & password anda.' Below the input fields is a 'Sign In >' button, which is also highlighted with a red box and a red arrow pointing to it with the text 'Klik sign in'.

#### Langkah 2:

Langkah seterusnya adakah anda sudah bersedia untuk menjual item di eBay Malaysia. Menjual item di eBay Malaysia adalah percuma. Kalau anda sudah bersedia untuk menjual item klik **sell your item**.

The screenshot shows a banner with the text 'Ready to sell on eBay Malaysia?' and 'Selling on eBay Malaysia is free!'. Below the text is a 'Sell Your Item >' button, which is highlighted with a red box and a red arrow pointing to it with the text 'Klik sini'.

**Langkah 3:**

Selepas anda klik **sell your item**, anda dikehendaki mengisi segala maklumat mengenai item anda. Tulis penerangan mengenai item anda di ruangan **Item description**, **Add pictures**, **Duration**, **Starting price**, **Accepted payment methods**, **Buy it now** dan **Item location**. Selesai mengisi segala maklumat item anda klik **submit**. Lihat contoh dibawah.

← **Tulis tajuk item anda disini**

No HTML, asterisks, or quotes. 45 characters maximum.  
[Learn how](#) to write a good item title

---

**Item description**

**Tulis penerangan mengenai item anda di sini. Jangan terlalu panjang atau terlalu pendek.**

Enter plain text or [add simple HTML](#) tags to change font size, create paragraphs or bulleted lists, add images, and more.

**HTML Tip:**  
Enter <p> to start a new paragraph.

Increase your item's visibility, sell in 2 categories. Select from all categories  
Click in the numbered boxes below until you have selected a final subcategory.

1.  2.  3.

← **Pilih kategori item anda**

[Click here if you are having trouble viewing the category selector above.](#)

**Add pictures**

- Let eBay host your pictures  
Or click here if you prefer [your own Web hosting](#)

Picture 1 (free)   ←

Picture 2 (free)   ←

Picture 3 (free)

Enhance your picture, try eBay's [free full featured version](#) with crop, rotate and more.

**Masukkan gambar item anda  
Klik browse**

## Panduan Asas Langkah Demi Langkah : eBay Malaysia

**Duration**  
7 days  ← **bilangan hari bida**  
Listing will start when submitted

**Starting price**  
MYR  ← **harga permulaan bida**  
[Learn More](#)

**Accepted Payment Methods**

- Personal cheque
- Money order / Cashiers cheque
- Cash on Delivery
- See item description
- Wire transfer

← **tandakan cara pembayaran**

**Buy It Now price (optional)**  
MYR  ← **harga buy it now**  
Sell to the first buyer who meets your specified price.  
[Learn More](#)

**Item Location (City, State, Country/Location)**  
 ← **lokasi item anda contoh : Kuala Lumpur**

    ← **Klik sini**

### Langkah 4:

Selepas anda klik **submit**, selesailah sudah langkah demi langkah macamana hendak memulakan jualan di eBay. Tahniah! Anda sudah berjaya menjual item anda di eBay. Untuk memestikan jualan item anda sudah berada didalam kategori jualan di eBay, klik sahaja link URL yang dipaparkan setelah anda berjaya membuat jualan. Untuk memeriksa semua aktiviti jualan anda klik **My eBay**. Selain daripada itu, eBay juga akan menghantar satu email kepada anda untuk memaklumkan bahawa item anda sudah dijual (item sold). Selamat mencuba!

**Sell Your Item: Congratulations**

You have successfully listed your item

View your item

Item Title: [A32] MALAYSIA \$10 (2nd) SERIES 1972-1976 - [REDACTED]

Item Number: [REDACTED]

URL: [http://www.ebay.com.my/wilitem?itemid=\[REDACTED\]](http://www.ebay.com.my/wilitem?itemid=[REDACTED]) ← **Klik URL**

Track items you are selling in [My eBay](#).  
↑  
**Klik My eBay**

Note: Your listing will not show up in the search and category listings pages right away. Listings are updated throughout the day, so yours will be added at the next update. Gallery images may also take a while to appear.

This email was sent to [REDACTED] from eBay. To increase confidence this email came from eBay we are including your name and user ID based on the information you provided when you registered on eBay.  
Congratulations acis32!

Dear [REDACTED],  
[REDACTED] (KUALA LUMPUR, SELANGOR, Malaysia) has agreed to purchase the following eBay item on 06-07-2006 08:11:20 AM MYT:

[A32] MALAYSIA \$10 (2nd) SERIES 1972-1976 - [REDACTED]

Please contact the buyer to complete the sale.  
[REDACTED]@yahoo.com

**Email pembeli item anda sila hubunginya untuk urusan pembayaran dan penghantaran item kepada pembeli.**

---

---

## BAHAGIAN 4

### TIPS BERKAITAN EBAY

---

---

#### **BAGAIMANA ANDA MEMBIDA PRODUK**

Perniagaan online menjual pelbagai produk lelongan yang paling popular di Malaysia ialah web **eBay** dan **Lelong**. Web ini memberi perkhidmatan menjual pelbagai produk lelongan menggunakan konsep bidaan. Bidaan yang paling tinggi adalah dikira sebagai pemenang untuk sesuatu produk yang dilelong. Apabila anda membeli produk melalui bidaan di web lelongan, bagaimana anda membidanya?

Artikel kali ini saya akan kongsi kepada anda beberapa tips sebelum membida produk di web lelongan sebagai panduan awal yang seharusnya anda tahu sebelum anda membuat keputusan untuk membidanya. Antaranya tips tersebut adalah seperti berikut;

#### **1. Produk**

Pemilihan produk yang betul adalah sangat penting bagi memastikan kepuasan kepada diri anda. Di web lelongan anda boleh mengenal pasti lebih awal tentang produk tersebut melalui artikel ringkas mengenainya serta gambar yang ditunjukkan didalam web lelongan tersebut. Sebagai contoh sekiranya saya hendak membida wang kertas, saya akan pastikan wang kertas yang hendak dibida tersebut berada di dalam keadaan baik dengan meneliti pelbagai sudut melalui gambar yang dipaparkan di lelongan tersebut sehingga saya berasa yakin dan puas hati.

#### **2. Harga**

Pemilihan harga sangat penting sebagai kayu pengukur sebelum anda membida sesuatu produk di web lelongan. Pengalaman saya menjual produk di web ebay.com.my, ada di antara pembeli membida produk di luar kemampuan mereka. Oleh itu pilihlah harga produk yang anda bida tersebut berpatutan mengikut kemampuan anda. Di ebay.com.my ada 2 harga yang diletakkan iaitu satu harga bidaan dan kedua harga buy it now. Sekiranya anda nak produk tu tak tergesa-gesa dan nak dapatkan harga murah anda boleh teruskan dengan harga bidaan tetapi kalau anda nak produk tersebut tanpa bersaing dengan pembeli lain anda boleh buy it now. Jadi produk tersebut akan terus dijual kepada anda.

### **3. Status Penjual**

Di web lelongan setiap penjual yang berjaya menjual barangan mereka para pembeli akan memberikan komen bergantung kepada produk yang mereka terima daripada penjual. Di ebay.com.my atau lelong.com.my misalnya, kita boleh melihat komen penjual ini melalui (Leave Feedback). Pastikan komen penjual yang anda akan membida produknya berada di antara penjual yang aktif dan mempunyai banyak komen-komen yang positive daripada pembeli.

### **4. Penipuan**

Di web lelongan terdapat banyak penipuan berlaku daripada penjual produk. Berhati-hati sebelum membuat bidaan. Untuk mengelakkan perkara ini tidak berlaku kepada diri anda, seharusnya anda tahu ini mungkin penyebabnya iaitu feedback orang yang sama berulang-ulang, transaksi dan harga yang tidak masuk akal langsung, kekerapan transaksi dan produk yang dijual. Daripada situ anda boleh menilai sama ada terdapat unsur penipuan atau tidak.

### **5. Promosi**

Kepada anda yang masih baru dalam perniagaan laman web lelongan ini, berhati-hati semasa membida. Sebab ada penjual yang tidak beretika langsung mempromosikan produk mereka di dalam kesemua kategori di web lelongan. Elakkan penjual seperti ini dan mempunyai feedback yang negative terlalu banyak. Berhati-hati juga dengan penjual yang meletakkan harga promosi MYR0.01 pada bahagian bidaan tetapi bahagian keterangan letak harga sebenar lebih dari MYR30.00 ke atas. Tips! baca dahulu keterangan sebelum anda membuat bidaan.

### **6. Keuntungan**

Kebanyakan pembeli membida produk di web lelongan sekadar hobi, suka-suka, menambah koleksi dan sebagainya. Sekiranya anda pandai membeli produk yang boleh dijual balik dengan harga 2 kali ganda daripada harga asal, anda adalah orang yang bijak. Kawan saya selalu membeli produk di ebay.com (US) iaitu alat ganti motosikal lama (BSA) dengan harga MYR1,000 tetapi menjualnya kembali di Malaysia dengan harga MYR2,000. Untung bukan!. Tips! Saya belilah produk yang hangat dipasaran lelongan supaya ianya dapat di pasarkan semula.



## **BAGAIMANA MENGENALI TAKTIK PENJUAL**

Internet sebenarnya telah membuka lembaran baru didalam era pemasaran perniagaan tanpa sempadan. Kos tidak tinggi dan boleh dilakukan hanya dihadapan komputer. Tetapi adakah anda tahu terdapat segelintir seller di internet khususnya di web lelongan telah menggunakan taktik penjualan yang tidak beretika? Mereka sanggup berbuat apa sahaja asalkan perniagaannya laris di pasaran.

Saya membongkar sedikit rahsia berkaitan penjual yang tidak beretika ini khususnya didalam perniagaan web lelongan. Pengalaman saya sewaktu membuat bidaan di web lelongan, suatu hari saya telah membida satu item tetapi tidak sampai beberapa minit bidaan saya telah kalah dan apabila saya periksa dalam masa yang sama sudah ada 5 orang telah membuat bidaan. Kenapa ini boleh berlaku? puas saya mencari jawapannya tetapi setelah saya membuat kajian tentang perkara ini barulah saya tahu ada segelintir penjual di web lelongan telah membuat ID (nama semasa pendaftaran) di web lelongan banyak-banyak untuk kegunaan taktik mengelirukan pembedanya.

Objektif utama apabila ada pembeli membida itemnya, ID yang didaftarkan banyak tadilah yang akan menjadi umpan kepada pembedanya seolah-olah ramailah orang yang turut membida itemnya. Jika anda ingin menghindari daripada penjual seperti ini saya ada tips untuk anda seperti berikut:

1. Jika anda membuat bidaan item tetapi kalah beberapa minit kemudian dan ada pembida yang ramai masuk, nasihat saya jangan teruskan membida melainkan anda ingin menanggung risikonya.
2. Kebiasaanya seller yang menggunakan taktik ID banyak ni semuanya tiada mempunyai feedback (0) dari pembeli. Kenapa? Mustahil seller gunakan ID ini untuk tujuan jualan. Seller akan gunakan satu ID tetap sahaja untuk jualan. Contoh ID seller2006 adalah untuk jualan tetapi id seller73, seller74, seller75 & seller76 hanyalah ID bertujuan untuk umpan pembedanya.
3. Kebiasannya penjual yang membuat taktik ini hanya menjual satu item sahaja. Selain daripada itu juga kemungkinan besar item yang dijual tersebut kurang mendapat pasaran.

## **KENAPA KUALITI GAMBAR PRODUK PENTING**

Kenapa gambar produk itu penting? bukankah dengan adanya keterangan yang lengkap sudah cukup untuk meyakinkan pembida di web lelongan? semuanya saya akan kupas untuk dijadikan panduan atau tips kepada anda.

Gambar sebenarnya memainkan peranan yang penting kepada perniagaan internet anda terutamanya di web lelongan. Sekiranya anda kurang memberi tumpuan kepada penggunaan gambar yang betul atau tidak mengambil berat tentangnya maka perniagaan internet anda akan kurang mendapat sambutan. Lebih-lebih lagi didalam perniagaan lelongan khususnya ebay.

Antara yang perlu anda titik beratkan tentang penggunaan gambar tersebut ialah jangan sekali menggunakan gambar produk untuk up-load di web lelongan mempunyai resolution yang tinggi, ini akan menyebabkan pembida akan menunggu lama apabila nak tengok gambar produk anda. Anda kena ingat bukan semua pengguna internet di Malaysia menggunakan streamyx tetapi ramai lagi yang pakai dail-up.

Selain daripada itu penggunaan gambar yang mempunyai resolution rendah pun tidak sesuai juga, ini kerana hasil gambar apabila di up-load nanti akan keluar kecil dan kurang jelas apabila pembida tengok gambar tersebut di web lelongan. Kalau boleh gunakan resolution yang sederhana tidak tinggi dan tidak rendah. Pastikan gambar yang nak di up-load tersebut di simpan dalam format jpeg atau gif.

Kalau boleh gambar yang hendak dipaparkan tersebut terang, jelas dan meyakinkan pembida produk anda. Sekiranya anda mahir dalam HTML lagi baik, rata-ratanya banyak software berkaitan iklan gambar sekarang yang boleh membantu anda di web lelongan.

Kesimpulannya disini jika anda mengabaikan penggunaan gambar atau anda menggunakan gambar tetapi tidak dengan cara yang betul maka bidaan produk anda berkemungkinan besar akan kurang mendapat sambutan di web lelongan. Gambar adalah penghubung kepada pembeli anda, kerana pembeli hanya berpandukan gambar anda sebagai rujukan pembelian.

## **AKHIR KATA PENULIS PANDUAN ASAS EBAY LANGKAH DEMI LANGKAH**

Terima kasih kerana sudi download dan seterusnya membaca e-book percuma panduan asas eBay langkah demi langkah ini. Jika sekiranya terdapat sebarang masalah atau komen anda berkaitan e-book ini, sila email kepada [matzisp@yahoo.com.my](mailto:matzisp@yahoo.com.my). Insyallah saya akan segera membalas email anda walaupun e-book ini saya bagi kepada anda percuma. Komen anda adalah sangat penting bagi saya untuk memperbaiki lagi kandungan serta penyampaian didalam e-book panduan asas eBay langkah demi langkah ini.

E-book panduan asas eBay langkah demi langkah yang saya tulis ini amat komprehensif, kerana bab keusahawanan dan motivasi diri adalah amat meluas skopnya. Oleh itu, sentiasalah rajin menimba ilmu pengetahuan jika ada masa yang terluang. Jika tiada masa terluang, anda kena cari masa itu kerana sedikit sahaja pengetahuan yang anda tidak tahu, mungkin akan merugikan anda sepanjang hayat.

Akhir kata dari saya, sebagai memberi motivasi kepada anda hayatilah kata hikmah ini sebagai pedoman dan panduan kepada anda untuk terus maju didalam perniagaan online ini. "Tiada jalan singkat untuk senang, kebanyakan mereka yang telah berjaya mengambil masa bertahun-tahun untuk berusaha untuk menjadi senang. Bukan senang nak senang tetapi bukan susah nak jadi susah."

SEKIAN, WASSALAM

Ikhlas,

**MATZIS BIN JUSDI**

<http://www.matzis.com>

"Panduan Asas eBay Langkah Demi Langkah"

PS. Lawati blog [matzis.com](http://www.matzis.com) yang sentiasa dikemaskini setiap minggu artikelnya. Penulisan artikel penuh dengan tips panduan asas berkaitan eBay dan keusahawanan internet.